

RANCANGAN PERNIAGAAN
ASAS KEUSAHAWANAN
(ETR 300)

DE' STYLE OFFICE EQUIPMENT

FAKULTI PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA
JUN-NOV 1999



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 8hb. Julai 1999

Surat Tuan:

Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Telefax: 06-563963

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pengurusan dan Perniagaan di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan.

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Alfisyahrina bt. Molis	97244119
2.	Halizan bt. Mahmood	97119389
3.	Noordiana bt. Rezaudin	97205617
4.	Suraiya bt. Abd. Karim	97107703
5.	Amielda bt. Hj. Ibrahim	97106952

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebar kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

SHAHARIAH HJ. OSMAN
Ketua Kursus DBS
ITM Melaka.
b/p Provos

SURAT PENYERAHAN TUGAS

Diploma Pengurusan Perniagaan,
Semester 05,
Universiti Teknologi MARA,
Cawangan Melaka,
Km 26, Jalan Lendu,
78000 Alor Gajah,
Melaka.

21 Jun 1999

Puan Shahariah Osman,
Pensyarah ETR 300 (Asas Keusahawanan),
Universiti Teknologi MARA ,
Cawangan Melaka,
Melaka.

Puan,

Penyediaan Rancangan Perniagaan ETR 300 Untuk Perniagaan de' Style Office
Equipment.

Merujuk kepada perkara di atas, dengan sukacitanya kami menyerahkan Rancangan Perniagaan yang telah kami sempurnakan. Kami adalah pengedar peralatan pejabat di bawah satu perkongsian yang dinamakan de' Style Office Equipment.

2. Penyediaan Rancangan Perniagaan ini adalah bertujuan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300) yang diambil oleh pelajar semester 05 di UNITEKMA sebagai syarat untuk mendapatkan diploma.

3. Matapelajaran ini membolehkan para pelajar mengetahui dan mempelajari cara-cara menjalankan sebuah perniagaan dan mengorientasikan para pelajar kepada dunia perniagaan dan keusahawanan.

4. Akhir kata, semoga penyerahan Rancangan Perniagaan yang dihasilkan akan memberi manfaat kepada semua pihak. Segala kerjasama Puan Shahariah sangat dihargai. Kami berharap agar Puan akan berpuas hati dengan hasil usaha kami ini dan dengan ini kami menyerahkan Rancangan Perniagaan de' Style Office Equipment ini untuk penilaian akademik pihak Puan.

Sekian, kami akhiri dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,




(Alfisyahrina bte Molis)

97244119



(Amiela bte Ibrahim)

97106952



(Suraiya bte Abdul Karim)

97107703



(Noordiana bte Rezaudin)

97205617



(Halizan bte Mohmood)

97119389

1.0 PENGENALAN

Perniagaan kami adalah berbentuk perkongsian yang dimiliki oleh lima orang rakan kongsi. Kami menjalankan perniagaan yang menjual pelbagai jenis kelengkapan pejabat. Lokasi yang dikenal pasti adalah di sekitar Ampang.

Kami berminat menceburi perniagaan ini kerana bidang ini jarang sekali diceburi oleh kaum bumiputera. Di samping itu juga, perniagaan mempunyai prospek yang cerah untuk berkembang. Dengan wujudnya perniagaan kami ini, diharap ianya akan dapat menaikkan taraf bumiputera setanding dengan bangsa asing yang lain didalam bidang perniagaan.

Modal permulaan bagi melaksanakan projek ini adalah berjumlah RM 70 000. Setiap rakan kongsi menyumbangkan modal sebanyak RM 14 000 seorang. Modal permulaan kami adalah kecil dan sesuai untuk berkembang maju dalam jangka masa 3 tahun beroperasi.

Perniagaan kami ini juga bukan sahaja untuk mendapatkan keuntungan semata-mata tetapi ia juga bertujuan untuk mendapatkan keredhaan Allah dengan nikmat-nikmat yang dikurniakan kepada manusia.